




Idea Bernas LeapEd

Coronavirus: buku untuk kanak-kanak

Membincangkan topik yang sukar dengan kanak-kanak



 Kanak-kanak mungkin berasa sangat bimbang dengan kebiasaan baharu kita. Ibu bapa dapat membantu menangani kebimbangan ini dengan berbincang dengan anak-anak secara terbuka dan telus tentang perkara yang membimbangkan mereka.

 Melalui perbincangan, anak-anak akan menghasilkan ikatan yang kuat dan positif dengan ibu bapa, serta dapat memberikan peluang kepada seisi keluarga untuk berhadapan dengan cabaran dan mencari penyelesaian bersama-sama.

 Cara anda memulakan perbualan ini akan bergantung pada banyak perkara. Usia anak anda atau topik yang ingin anda bincangkan. Tiada cara yang betul atau salah untuk melaksanakannya, tetapi bercakap secara terbuka dengan anak anda tentang isu yang memberi kesan kepada mereka, akan membantu mereka untuk lebih memahami situasi secara menyeluruh.



 Buku cerita merupakan cara yang baik untuk memulakan perbualan yang sukar dengan anak. Selepas anda membacakan cerita tersebut beberapa kali, tanya soalan yang mudah untuk menyemak pemahaman anak anda tentang isi kandungan cerita dan pendapat mereka tentang isu tersebut.

Coronavirus: sebuah buku kanak-kanak telah diterbitkan untuk tujuan ini. Panduan untuk Ibu Bapa: Membincangkan topik yang sukar

- | | | | |
|---|---|--|--|
| 1
 Wujudkan persekitaran selamat. | 2
 Terangkan bahawa topik ini sukar untuk dibincangkan. | 3
 Dapatkan maklumat yang mereka telah ketahui. | 4
 Galakkan sifat ingin tahu mereka. |
| 5
 Biarkan mereka bertanya dan jawab secara jujur. | 6
 Kongsi perasaan anda. | 7
 Beritahu anak anda apa yang anda rasa dan terangkan sebabnya. | 8
 Bincangkan penyelesaian bersama-sama. |

Cara lain yang baik untuk memulakan perbincangan adalah dengan meminta bantuan daripada mereka. Terangkan kepada mereka bahawa, anda mempunyai seorang kawan yang mengalami kebimbangan dan meminta sedikit nasihat. Cara ini adalah cara yang baik untuk menunjukkan kepada mereka bahawa anda menghargai pendapat mereka dan pada masa yang sama, dapatkan maklumat yang mereka telah ketahui tentang topik tersebut.

Anda mempunyai idea menarik untuk dikongsikan?

 enquiry@leapedservices.com

 www.leapedservices.com



Sertai kumpulan Telegram kami



LeapEd Services